




Ringkasan Eksekutif

DASAR WANITA NEGARA

dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita
2025-2030

**Memartabat Wanita
Memperkukuh Negara**

© Hak Cipta Kerajaan Malaysia.
Tahun terbit 2025

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 25, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya
Malaysia.

Direka bentuk dan dicetak oleh:
Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd
www.akademijawi.my



Isi Kandungan

Perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia	vi
Prakata Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	vii
Pengenalan	1
Evolusi Dasar Wanita Negara	2
Kepentingan Pewujudan Dasar Wanita Negara.....	4
Pencapaian	7
Isu dan Cabaran	9
Kerangka Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030	11
Sasaran Keberhasilan.....	12
12 Pemacu Perubahan.....	14
Bidang Keutamaan	15
Ekonomi	16
Kepimpinan.....	18
Keselamatan	20
Kesejahteraan.....	22
Impak Pelaksanaan.....	25
Penutup.....	26



Perutusan

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia

*Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh*

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi yang telah melimpahkan taufik, rahmat serta hidayahNya untuk merealisasikan pembangunan semula Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030.

Dasar Wanita Negara ini merupakan dasar ketiga dirangka khusus bagi memperkasa kaum hawa di Malaysia. Kebijakan ini antara lain adalah bukti kukuh Kerajaan MADANI untuk terus melindungi dan diangkat darjatnya, mengiktiraf, dan memperkukuh peranan wanita agar terus dihormati, diraikan, serta diiktiraf di pelbagai bidang sehingga ke persada antarabangsa. Justeru, adalah terpenting untuk dijalankan semakan semula dan usaha pembaharuan dasar bagi memastikan dasar ini kekal relevan dalam menangani tantangan serta isu semasa yang mempengaruhi tahap kesejahteraan kaum wanita.

Berpaksikan naratif baharu yang menekankan kesinambungan sejarah dan pemerkasaan wanita dalam konteks sosiobudaya di Malaysia, saya amat berharap kepentingan DWN dan PTPW tahun 2025-2030 dapat digarap dan dihayati oleh seluruh rakyat dan seterusnya mendorong segala kekuatan pelbagai komponen Kerajaan, pihak swasta dan kesemua badan berkepentingan sosial untuk mendukung dan menjayakan DWN dan PTPW tahun 2025-2030.

DWN dan PTPW 2025-2030 mesti terus menjadi instrumen penting negara dalam usaha memartabat dan memperkasa wanita, sejajar dengan aspirasi pembangunan masyarakat bertamadun di bawah Kerajaan MADANI.

Walhasil, dengan kerjasama erat serta komitmen padu semua pihak, pelaksanaan dasar ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada wanita, tetapi juga memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang diyakini serta dihormati dalam memperjuang hak asasi dan keadilan sosial untuk semua lapisan masyarakat.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Pembangunan Wanita, agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta kementerian, jabatan, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri yang telah terlibat sama dalam memberikan kerjasama, input serta pandangan sehingga dasar ini dapat diberi nafas baharu.

Justeru, mari bersama mendukung dasar ini demi mencapai matlamat:

“Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara!”

ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri Malaysia



Prakata

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

*Bismillahirrahmannirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,*

Mengimbas perjalanan sejarah, Dasar Wanita Negara (DWN) yang pertama telah digubal pada tahun 1989 dan disemak semula pada tahun 2009 dengan pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita.

Kini, setelah 15 tahun berlalu, dasar ini diberi nafas baharu sebagai Dasar Wanita Negara 2025-2030, seiring dengan pembaharuan Dasar Sosial Negara 2030 dan keperluan menangani cabaran serta isu semasa berkaitan wanita.

Penjenamaan semula dasar ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk terus memartabat dan mengiktiraf kepentingan peranan wanita dalam pelbagai aspek.

Berpaksikan tema “Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara”, Kerajaan akan teruskan usaha untuk memastikan setiap wanita di Malaysia mendapat peluang yang adil dan saksama dalam pendidikan, ekonomi, kepimpinan dan kehidupan sosial. Ini bukan sekadar aspirasi, tetapi satu tekad yang akan direalisasikan melalui dasar-dasar progresif dan pelaksanaan yang menyeluruh.

Saya juga percaya, pelaksanaan DWN 2025-2030 akan memperkukuhkan imej Malaysia sebagai negara yang progresif dalam memperjuangkan hak wanita, mempromosi diplomasi gender dan memperkukuh wanita sebagai penyumbang ekonomi. Dasar ini akan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan kedudukan negara dalam pelaporan antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals* (SDGs), *Global Gender Gap Index* (GGGI) dan *World Competitiveness*

Report (WCR). Pendekatan negara yang lebih mesra wanita juga bakal memperkukuh imej Malaysia sebagai sebuah negara yang inklusif sekaligus membantu menarik lebih banyak pelaburan dan kerjasama antarabangsa.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam usaha mengemaskini dan memperkukuh dasar ini. Pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation approach*) telah diterapkan melalui penglibatan pelbagai pihak, termasuk jentera dan agensi kerajaan, kerajaan negeri, akademik, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), serta masyarakat sivil.

Sekalung tahniah dan penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Pembangunan Wanita sebagai agensi yang menerajui usaha pembangunan semula Dasar Wanita Negara dan berjaya melaksanakan gerak kerja penyelidikan serta penulisan secara *in-house*.

Saya yakin bahawa Dasar Wanita Negara 2025-2030 akan terus menjadi landasan kukuh dalam memperjuangkan hak dan kepentingan wanita di Malaysia.

**“Memartabat Wanita,
Memperkukuh
Negara.”**

NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan
Wanita, Keluarga dan
Masyarakat Malaysia







Pengenalan

Dasar Wanita Negara (DWN) yang pertama digubal pada tahun 1989 dan seterusnya disemak pada tahun 2009 dengan pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW). DWN dan PTPW tahun 2025-2030 merupakan DWN yang digubal kali ketiga sebagai panduan kepada pelaksanaan semua strategi, program dan inisiatif kepada semua pihak berkepentingan.

Berbeza dengan DWN tahun 2009, naratif DWN dan PTPW tahun 2025-2030 akan dimulai dengan latar belakang kepentingan dasar wanita dan impaknya, sejarah pemeraksanaan wanita dan rasional semakan semula yang bertujuan untuk memupuk kefahaman dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan nuansa pemeraksanaan wanita. DWN dan PTPW tahun 2025-2030 akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun, seiring dengan kitaran Rancangan Malaysia dan akan dilengkapi dengan sasaran keberhasilan yang terperinci bagi menambah baik proses pemantauan dan penilaian.

Matlamat DWN dan PTPW tahun 2025-2030 adalah “Memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender”. Dengan tema “Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara”, dasar ini memberi tumpuan kepada empat bidang keutamaan, iaitu Ekonomi, Kepimpinan, Keselamatan dan Kesejahteraan.

Bagi memastikan pelaksanaannya efektif, DWN ini juga akan memperkenalkan pemacu perubahan serta empat pemboleh daya yang dijangka akan menjadi pencetus kepada kejayaan pelaksanaan DWN, iaitu data berasaskan gender, bajet responsif gender, penilaian impak berasaskan gender dan audit gender.

Pelaksanaan DWN dijangka akan meningkatkan imej Malaysia dalam laporan antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW), *Sustainable Development Goals* (SDGs), *Global Gender Gap Index* dan *World Competitiveness Report*.

Berteraskan aspirasi Malaysia Madani, DWN dan PTPW 2025-2030 bukan sekadar dasar kerajaan, tetapi satu inisiatif menyeluruh yang memerlukan penglibatan semua pihak bagi mencipta ekosistem yang lebih adil, inklusif, dan berdaya saing. Kejayaan negara bergantung pada usaha berterusan dalam memartabatkan wanita dan menjamin kesejahteraan mereka.

**Memartabat Wanita,
Memperkukuh Negara.**




Evolusi Dasar Wanita Negara

Selaras dengan pengenalan dasar ini, pada tahun 1989 isu wanita mula diberikan tumpuan khusus di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6), dari tahun 1991 hingga tahun 1995. Di bawah RMKe-6, satu bab khas diwujudkan khusus untuk isu wanita, iaitu “Wanita dalam Pembangunan”.

Pada tahun 2009, dasar ini ditambah baik dengan pengenalan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) bagi menampung ekspektasi pihak berkepentingan dalam mengukuhkan peranan dan kepentingan wanita. Kandungan DWN sejajar dengan tuntutan semasa isu masyarakat dan evolusi isu pada peringkat antarabangsa.

Setelah usia DWN menjangkau 15 tahun, pelbagai pencapaian berkaitan wanita direkodkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran sedia ada yang kekal sukar untuk ditangani.

Susulan itu, tiga kajian telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi tujuan memastikan analisis isu dan cabaran DWN dilaksanakan secara lebih komprehensif mengikut keperluan semasa. Dalam usaha semakan semula DWN dan PTPW, Kementerian telah mengadakan sebanyak enam siri sesi libat urus bersama-sama dengan pihak berkepentingan termasuk pertubuhan bukan Kerajaan serta tinjauan selidik awam secara dalam talian dan lapangan telah dilaksanakan.





1989

DASAR WANITA NEGARA (DWN)

- Jentera Nasional bagi Pengintegrasian Wanita dalam Pembangunan
- Kesihatan
- Pendidikan dan Latihan
- Undang-undang
- Pekerjaan
- Politik
- Media
- Agama
- Kebudayaan

2009

DWN & PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA (PTPW)

- Wanita dan Ekonomi
- Kemiskinan dalam kalangan Wanita
- Wanita dan Undang-undang
- Keganasan terhadap Wanita
- Wanita dan Kesihatan
- Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Latihan
- Wanita dalam Bidang Sains dan Teknologi
- Wanita dan Media
- Wanita dan Alam Sekitar
- Wanita dan Sukan
- Wanita dan Agama, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
- Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dan Politik
- Mekanisme, Jentera dan Institusi Pembangunan Wanita

2025 -
2030

DWN & PTPW

Ekonomi

- Wanita dan Ekonomi
- Kemiskinan dalam kalangan Wanita
- Wanita dalam Bidang Sains dan Teknologi
- Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Latihan

Kepimpinan

- Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dan Politik
- Mekanisme, Jentera dan Institusi Pembangunan Wanita

Keselamatan

- Wanita dan Undang-undang
- Keganasan terhadap Wanita

Kesejahteraan

- Wanita dan Kesihatan
- Wanita dan Media
- Wanita dan Alam Sekitar
- Wanita dan Agama, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
- Wanita dan Sukan



Kepentingan Pewujudan Dasar Wanita Negara

Terdapat **tiga faktor utama** yang menjadi asas kepada pembangunan Dasar Wanita Negara iaitu demografi, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan sasaran 30% wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam bidang politik.

Demografi


Dari segi faktor demografi, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2024 menunjukkan nisbah jantina yang terkini adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala daripada 34 juta penduduk Malaysia, seramai 16.17 juta atau 47.5% adalah wanita. Sekiranya tiada dasar khusus yang menjamin kesejahteraan golongan ini, negara akan berhadapan dengan risiko kehilangan potensi produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar serta ketidakseimbangan perwakilan dalam pelbagai aspek.

Tenaga buruh

Meskipun skor pencapaian pendidikan wanita di bawah Indeks Jurang Gender Malaysia adalah tinggi, iaitu 1.071, namun kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh pada tahun 2023 adalah sebanyak 56.2% sahaja berbanding lelaki, iaitu 82.3%. Trend kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia mengikut kohort umur menghasilkan bacaan graf trend keluk "N" kerana wanita yang berkerja tidak akan kembali ke pasaran buruh apabila mereka meninggalkan alam pekerjaan.

Pembuat keputusan


Kehadiran sekurang-kurangnya 30% wanita dalam kepimpinan organisasi bukan sahaja meningkatkan prestasi ekonomi tetapi juga memberikan kesan positif kepada wanita lain dalam organisasi. Kajian oleh *World Economic Forum* (2022) mendapati bahawa kehadiran wanita dalam kepimpinan meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam organisasi kerana mereka merasa lebih diwakili dan mendapat inspirasi. Di samping itu, kajian *Catalyst* (2021) turut mendapati organisasi yang mempunyai lebih 30% wanita dalam kepimpinan lebih proaktif dalam menangani isu gangguan seksual, ketidaksaksamaan gaji dan halangan kenaikan pangkat.



Sumber: Diinspirasi daripada Buku Dasar Wanita Negara: Mengurusperdanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan




Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita Mengikut Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2023

Peratus



Graf Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh Mengikut Umur

Sumber: Sharifah Nabilah & Normah Mansor (2022), Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(7), diekstrak daripada DOSM



Pencapaian

Setelah lebih sedekad dikuatkuasakan, pencapaian Dasar Wanita Negara (DWN) tahun 2009 dapat diukur melalui tahap kesejahteraan atau kebahagiaan wanita. Sebagai contoh, Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) pada tahun 2021 merekodkan dari segi jantina, perempuan mencatatkan skor MHI lebih tinggi iaitu 6.49 berbanding lelaki dengan skor 6.46. Berikut merupakan skor MHI wanita bagi setiap negeri berbanding lelaki seperti di **Jadual 1**:

BIL	NEGERI	SKOR WANITA	SKOR LELAKI
1	WP Labuan	9.18	9.37
2	WP Kuala Lumpur	7.79	7.76
3	WP Putrajaya	7.32	7.24
4	Terengganu	7.26	7.15
5	Kelantan	7.03	7.01
6	Perlis	6.99	6.95
7	Pahang	6.76	6.74
8	Sarawak	6.74	6.64
9	Negeri Sembilan	6.70	6.66
10	Johor	6.67	6.70
11	Pulau Pinang	6.62	6.67
12	Kedah	6.57	6.62
13	Perak	6.37	6.34
14	Sabah	6.31	6.26
15	Melaka	5.94	5.77
16	Selangor	5.78	5.70

Jadual 1

Berdasarkan hasil analisis dalaman Kementerian, didapati sebanyak 17 daripada 27 atau 62.9 peratus kementerian telah mengintegrasikan inisiatif berkaitan dengan kesaksamaan gender menerusi penetapan strategi khusus untuk wanita di bawah dasar, pelan tindakan masing-masing.



Pencapaian-pencapaian ini juga dilaporkan semasa Sesi Dialog Konstruktif Laporan CEDAW Malaysia Keenam di Geneva, Switzerland pada tahun 2024. Malaysia menerima maklum balas positif daripada Jawatankuasa CEDAW terhadap usaha pemerkasaan wanita yang dilaksanakan. Hal ini menunjukkan usaha Malaysia untuk meningkatkan penglibatan wanita pada pelbagai peringkat turut mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

				
Kelantan	Selangor	Pulau Pinang	Terengganu	Pahang
2005	2017	2019	2022	2022

Sebanyak lima buah negeri telah membangunkan dasar wanita pada peringkat negeri masing-masing.



Pelbagai perundangan dan peraturan yang digubal dan ditambah baik seperti:

Akta Kerja 1955 [Akta 265]	• Cuti bersalin bergaji: 60 hari → 98 hari (2022) • Cuti paterniti: 7 hari bergaji untuk bapa • Larangan diskriminasi dalam pekerjaan dan pemberhentian wanita hamil • Aturan kerja fleksibel • Notis pencegahan gangguan seksual diwajibkan
Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]	• Takrifan diperluas ke penderaan mental & psikologi (2012) • Keganasan rumah tangga jadi kesalahan boleh tangkap • Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) diperkenal dan Perintah Perlindungan Interim (IPO) ditambah baik
Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]	• Perlindungan kepada individu yang bekerja sendiri termasuk wanita • Bermula dengan sektor pengangkutan penumpang • Diperluas ke 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain
Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838]	• Perlindungan sosial untuk suri rumah • Caruman RM120 setahun
Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670]	• Mencegah penyeludupan wanita, gadis dan kanak-kanak perempuan daripada menjadi mangsa pmerdagangan
Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]	• Tribunal khas untuk kes gangguan seksual • Pampasan & perintah mohon maaf telah dikenakan kepada pelaku (2024)



Isu dan Cabaran

Pencapaian Rendah Indeks Jurang Gender

Berdasarkan Statistik Pemerksaan Wanita Dalam Domain Terpilih, Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) kembali menjadi cabaran, iaitu 0.705 pada tahun 2023. Pencapaian indeks jurang gender tahun 2023 berdasarkan negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Skor jurang gender Malaysia dalam pelaporan *Global Gender Gap Index (GGGI)* pada tahun 2024 adalah 0.668. Berdasarkan skor tersebut, Malaysia berada di tangga ke-114 dalam kalangan 148 negara pada peringkat global, manakala dalam kalangan 10 negara ASEAN, Malaysia berada di tangga ke-9.

KEDUDUKAN	NEGERI	INDEKS JURANG GENDER	
		2023	2022
2023	MALAYSIA	0.705	0.709
1	WP Kuala Lumpur	0.776	0.736
2	WP Putrajaya	0.773	0.700
3	WP Labuan	0.756	0.721
4	Kelantan	0.737	0.741
5	Negeri Sembilan	0.718	0.720
6	Selangor	0.715	0.757
7	Melaka	0.715	0.729
8	Sabah	0.715	0.729
9	Perak	0.711	0.724
10	Kedah	0.707	0.746
11	Pahang	0.702	0.722
12	Perlis	0.701	0.718
13	Pulau Pinang	0.700	0.727
14	Terengganu	0.693	0.717
15	Sarawak	0.689	0.723
16	Johor	0.686	0.732

Jadual 2



Penarafan Menurun *World Competitiveness Ranking (WCR) 2024*

- Malaysia di tangga ke-34, turun 7 anak tangga dari ke-27 (2023).
- Penurunan disebabkan skor rendah dalam Amalan Pengurusan & Buruh.

Subfaktor Buruh	Subfaktor Amalan Pengurusan	
		
Wanita dalam Tenaga Buruh 2022: 38.96% (ke-57) 2021: 39.05% (ke-55)	Wanita dalam Pengurusan 2022: 24.6% (ke-52) 2021: 24.05% (ke-50)	Wanita dalam Lembaga Pengarah 2023: 31.92% (ke-25) 2022: 31.6% (ke-21)

Kekangan Data Berasaskan Gender

Walaupun Malaysia mempunyai koleksi data yang luas dan telah menjawab persoalan daripada hampir semua sektor yang dibangkitkan semasa sesi CEDAW, namun, masih terdapat kekangan dari segi pelaporan data dan analisa maklumat berasaskan gender khususnya bagi sektor yang berada di bawah bidang kuasa kementerian atau agensi lain.



Kerangka Dasar Wanita Negara Tahun 2025-2030

DASAR WANITA NEGARA TAHUN 2025 - 2030 "Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara"

PERNYATAAN

Dasar Wanita Negara bertujuan memperkasakan wanita untuk terlibat secara bermakna bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya melalui perancangan dan pembangunan yang inklusif ke arah kesaksamaan gender.

BIDANG KEUTAMAAN

EKONOMI	KEPIMPINAN	KESELAMATAN	KESEJAHTERAAN
---------	------------	-------------	---------------

MATLAMAT

Memberdaya wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dalam semua sektor ekonomi sebagai agen perubahan dan rakan strategik pembangunan sosioekonomi negara	Meningkatkan kepimpinan wanita sebagai pembuat keputusan di kedudukan strategik	Membudayakan kesaksamaan gender bagi memperkukuh tahap jaminan keselamatan dan ketenteraman wanita	Memperkukuh kesejahteraan wanita yang inklusif dalam masyarakat
--	---	--	---

KEBERHASILAN

- Peningkatan kepada 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh - Peningkatan skor subindeks penyertaan pekerja wanita profesional dan teknikal kepada 0.700 di bawah MGGI - Peningkatan 1 juta usahawan wanita berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menjelang tahun 2030	Peningkatan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan khususnya dalam sektor yang ketinggalan	- Pembangunan Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam - subindeks wanita - Penglibatan sekurang-kurangnya 10 peratus wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam - Pengekalan Domain Keselamatan Keluarga dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dalam julat "Sederhana Tinggi" dan ke atas	- Skor Indeks Jurang Gender Malaysia meningkat kepada julat antara 0.690 hingga 1.000 - Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia berasaskan gender - Pengekalan mata Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia dalam julat "Bahagia" dan "Sangat Bahagia"
--	--	---	--

PEMBOLEH DAYA

Data Berasaskan Gender		Bajet Responsif Gender		Penilaian Impak Berdasarkan Gender			Audit Gender	
Undang-undang	Dasar	Sumber	NGO	Nilai Bersama		Gender Focal Point & Gender Focal Team		
Perlembagaan Persekutuan		RMK	Dasar Sosial Negara		SDGs	CEDAW	Women, Peace And Security	Beijing Declaration



Sasaran Keberhasilan

Ekonomi

Peningkatan Kadar
Penyertaan Wanita
dalam Tenaga Buruh

60%

0.700

Peningkatan usahawan
wanita berdaftar
dengan SSM
menjelang Tahun
2030

1 JUTA

Peningkatan skor
subindeks penyertaan
pekerja wanita
profesional
dan teknikal
di bawah MGGI

Kepimpinan

30%

Peningkatan penglibatan
wanita sebagai pembuat keputusan
khususnya dalam
sektor yang ketinggalan

Keselamatan

Pengenalan subindeks wanita
di bawah Indeks Keselamatan
dan Ketenteraman Awam

10%

Penglibatan wanita
dalam sektor pertahanan,
keselamatan dan
ketenteraman awam

Peningkatan domain
Keselamatan Keluarga
dalam Indeks Kesejahteraan
Keluarga dalam julat
"Sederhana Tinggi" dan ke atas

Kesejahteraan

Lingkungan
0.690
Sehingga
1.000

Sasaran skor
Indeks Jurang Gender
Malaysia

Pengekalan mata
Indeks
Kebahagiaan
Rakyat
Malaysia
dalam julat
"Bahagia" dan
"Sangat Bahagia"

Penambahbaikan Indeks
Kesejahteraan Keluarga
Malaysia berasaskan gender



Di bawah PTPW, terdapat 26 strategi, 75 program dan 182 aktiviti.

Dalam usaha mengarusperdanakan DWN, 4 pemboleh daya utama dasar akan diperkenalkan, iaitu:



Data berasaskan gender yang bersepadu

Pengumpulan dan analisis data yang membezakan antara lelaki dan wanita untuk memahami perbezaan dan keperluan kedua-dua jantina. Pendekatan ini penting untuk memastikan bahawa dasar yang dirangka adalah inklusif dan responsif terhadap keperluan semua pihak, terutamanya dalam konteks kesaksamaan gender



Bajet responsif gender

Perancangan peruntukan belanjawan tahunan berkonsepkan *evidence based planning* yang mengambil kira keperluan dan impak terhadap kumpulan sasaran merangkumi kedua-dua jantina. Pendekatan ini adalah penting untuk memastikan perancangan kewangan adalah inklusif, merangkumi lensa perspektif gender



Penilaian impak berasaskan gender

Kaedah untuk mengukur impak sesuatu program atau inisiatif sebelum program atau projek tersebut dilaksanakan. Kaedah ini boleh diperkenalkan sebagai salah satu elemen di bawah *value assessment* dan sistem permohonan belanjawan tahunan



Audit gender

Proses penilaian sistematik untuk menilai impak pelaksanaan dasar, program dan projek sesebuah organisasi atau kerajaan terhadap kumpulan sasaran kedua-dua jantina. Ini termasuk analisis terhadap akses, manfaat, dan perubahan sosioekonomi yang dialami oleh wanita selepas pelaksanaan sesuatu dasar, program dan projek.



12 Pemacu Perubahan



Majlis peluncuran dan gerak kerja pengarusperdanaaan DWN dan PTPW tahun 2025-2030.



Pengenalan penilaian impak berasaskan gender dalam sistem belanjawan negara seiring dengan pendekatan bajet responsif gender.



Pengenalan audit gender ke dalam penilaian projek atau program berimpak tinggi.



Pemeriksaan peranan *Gender Focal Point* dan pakar gender di KPWK.



Pengenalan inisiatif yang menyokong wanita dalam sektor informal.



Pengenalan Pelan Tindakan Nasional Keamanan dan Ketenteraman untuk wanita yang berada di dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam.



Memantapkan perkhidmatan sokongan wanita bagi bekerja untuk meningkatkan kadar kelahiran.




Pengenalan Sistem Penarafan Bintang (*Star Rating*) kepada syarikat swasta.



Penubuhan hub kepimpinan wanita dan pemeraksanaan perwakilan wanita dalam Dewan Negara.




Pengenalan *Social Public Private Partnership* bagi menangani isu keganasan rumah tangga.



Pembangunan portal dan aplikasi *One Stop Centre (OSC)* perkhidmatan berkaitan dengan wanita.



Pengenalan strategi *behavioural insights* bagi menyokong kepimpinan politik wanita.



Bidang Keutamaan



Bidang Keutamaan

Ekonomi



Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan

- Menyelaraskan kelayakan akademik wanita dengan keperluan industri.
- Meningkatkan advokasi dan sokongan bagi wanita yang keluar dari tenaga buruh.
- Menggalakkan wanita dalam bidang TVET, STEM, AI, teknologi hijau dan tenaga.
- Mengukuhkan kolaborasi strategik kerajaan dengan sektor swasta bagi menarik bakat-bakat wanita ke dalam tenaga kerja.

Mengekalkan wanita dalam sektor pekerjaan

- Menggalakkan syarikat swasta dan agensi kerajaan melaksanakan program pembangunan kerjaya.
- Menjalankan analisis dan kajian untuk hala tuju bakat masa depan.

Memperkuh ekosistem pekerjaan kondusif

- Memastikan majikan menyediakan ekosistem pekerjaan kondusif.
- Memperkuh penyediaan kemudahan sokongan dan persekitaran kerja selamat.

Memperkuh penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan dan perdagangan antarabangsa

- Memperluas akses peluang perniagaan dan bimbingan kepada wanita, termasuk ibu tunggal dan diaspora wanita.
- Mempergiat jaringan perniagaan dan memperkasakan wanita dalam sektor eksport.
- Memfokuskan bantuan kepada wanita di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber Kerajaan secara saksama

- Memastikan keperluan wanita diambil kira dalam pengagihan sumber kerajaan.
- Memperluas modul bajet responsif gender ke semua peringkat.



Bidang Keutamaan

Kepimpinan



Memperkukuh mekanisme kerajaan bagi memperkasakan kepimpinan wanita

- Memperkukuh mekanisme bagi memantapkan jentera Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan.
- Mengukuhkan kolaborasi antara sektor awam dan swasta untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pemimpin wanita.
- Memperhebat usaha mengarusperdanakan gender melalui pengukuhan pegawai dan platform sedia ada.
- Melaksanakan lebih banyak program untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Membangunkan barisan pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor

- Memastikan kesinambungan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita dalam peringkat pembuat keputusan.
- Mengadakan program bimbingan kepimpinan bagi melahirkan pemimpin wanita yang kompeten.
- Memperkasakan jaringan kerja pemimpin wanita dalam sektor awam dan swasta.
- Memperkenalkan program pembangunan kapasiti untuk menonjolkan kepimpinan wanita di peringkat antarabangsa.

Meningkatkan kemahiran kepimpinan wanita dalam pelbagai sektor

- Menyediakan latihan dan program berkaitan bagi meningkatkan kualiti kepimpinan wanita.
- Memantapkan nilai kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) dalam sektor awam dan swasta.
- Memperkasakan kepimpinan wanita di peringkat negeri hingga ke peringkat kampung.

Mengaplikasikan strategi *behavioural insights* bagi menyokong kepimpinan politik wanita

- Menggunakan pendekatan behavioural insights untuk memahami stigma dan persepsi masyarakat terhadap pemimpin wanita.
- Mempergiat promosi tokoh wanita bagi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap kepimpinan mereka.
- Memperkukuh imej kepimpinan politik wanita untuk meningkatkan keterlihatan mereka dalam arena politik.

Membangunkan polisi bagi menambah baik penglibatan wanita dalam politik

- Memastikan sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam Dewan Negara.
- Meningkatkan kefahaman ahli parlimen dan ADUN mengenai kepentingan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI).
- Memberikan penekanan kepada pembangunan kepimpinan politik wanita muda sebagai pelapis masa depan.
- Menubuhkan hub kepimpinan wanita bagi menyokong pembangunan bakat wanita dalam politik.



Bidang Keutamaan

Keselamatan



Menambah baik pelaksanaan dasar berkaitan dengan keganasan terhadap wanita

- Memperkenalkan subindeks keselamatan wanita dalam Indeks Keselamatan dan Ketenteraman Awam.
- Meneliti dan menyemak akta berkaitan keselamatan wanita berdasarkan keperluan semasa.
- Memperluas perlindungan sosial kepada mangsa keganasan rumah tangga.
- Memperkukuh penyampaian perkhidmatan termasuk pegawai, *community of practice* dan bantuan sokongan.
- Meningkatkan advokasi untuk penghapusan keganasan terhadap wanita.

Mempertingkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan keselamatan wanita

- Memperkasa peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan badan bukan kerajaan dalam menangani isu keselamatan wanita.
- Membangunkan sistem maklumat bersepadu untuk pemantauan pesalah laku seksual dan keganasan terhadap wanita.
- Memperluas advokasi mengenai perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan Polis DiRaja Malaysia kepada masyarakat.

Memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita dalam masyarakat

- Menerapkan nilai menghormati wanita dalam semua lapisan masyarakat.
- Memperkukuh usaha memupuk budaya selamat dan hormat terhadap wanita di semua peringkat umur dan institusi, termasuk Parlimen.
- Memastikan keselamatan wanita terus terpelihara melalui kesedaran dan pendidikan masyarakat.

Meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam

- Menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam.
- Melaksanakan strategi berterusan untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam ketiga-tiga sektor tersebut.

Memantau pelaksanaan inisiatif strategik yang digariskan di bawah Resolusi Keamanan dan Ketenteraman untuk Wanita (WPS)

- Membangunkan pelan tindakan nasional khusus berkaitan keselamatan dan keamanan wanita.
- Memastikan usaha ini selari dengan Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu UNSCR 1325 mengenai Keamanan dan Ketenteraman Wanita.



Bidang Keutamaan

Kesejahteraan



Meningkatkan kesedaran terhadap kesaksamaan gender

- Membangunkan polisi dan data berasaskan gender untuk menyokong pengarusperdanaan gender.
- Melaksanakan program advokasi kepekaan gender di institusi agama, seni dan budaya.
- Memberikan taklimat kesaksamaan gender kepada pemimpin tertinggi negara.
- Menggalakkan lelaki sebagai sekutu dalam usaha mencapai kesaksamaan gender.

Memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada golongan wanita bersasar

- Memperluas dan meningkatkan kapasiti Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).
- Mempergiat hebahan mengenai kewujudan PSSS melalui pelbagai platform.

Memperkukuh peranan media dalam pemerkasaan wanita

- Menonjolkan sumbangan wanita dalam pelbagai sektor menerusi media.
- Memberi keutamaan kepada golongan wanita warga emas, belia, OKU, Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.

Meningkatkan literasi kesihatan wanita

- Mempergiat advokasi penjagaan kesihatan fizikal dan mental wanita.
- Mengadakan program pendidikan sosial dan kesihatan reproduktif.

Memperluas akses kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan untuk wanita termasuk di kawasan luar bandar dan terpencil

- Menambah baik perkhidmatan klinik bergerak dan doktor udara.
- Mengukuhkan kerjasama dengan kerajaan negeri, PBT, sektor swasta, NGO dan pemimpin komuniti.

Menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mesra wanita

- Meningkatkan kemudahan sukan dan rekreasi mesra wanita.
- Menambah baik sistem penarafan bintang PBT dengan indikator mesra wanita.

Meningkatkan literasi digital dalam kalangan wanita

- Memperluas liputan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman dan terpencil termasuk komuniti Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.
- Mempergiat advokasi keselamatan siber untuk menangani penipuan dalam talian dan keselamatan data.



Bidang Keutamaan

Kesejahteraan

Menyediakan sistem sokongan sosial yang kondusif

- Memperkukuh JPW sebagai pusat sehati pemerkasaan wanita.
- Menyediakan portal dan aplikasi khas untuk wanita.
- Memastikan industri perkhidmatan penjagaan formal menawarkan perkhidmatan berkualiti pada kos berpatutan.

Meningkatkan tahap literasi undang-undang dalam kalangan wanita

- Mempergiat penerbitan risalah undang-undang berkaitan wanita.
- Mengadakan program literasi perundangan di kawasan luar bandar.

Memantapkan proses perundangan syariah dan sivil

- Meningkatkan penyampaian perkhidmatan pengurusan hal ehwal perkahwinan dan perceraian.
- Memperkasakan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), JKSM dan Tribunal Perkahwinan.
- Menyeragamkan sistem pengurusan kes Mahkamah Syariah secara dalam talian.

Menambah baik tahap penglibatan wanita dalam isu perubahan iklim dan alam sekitar

- Mengambil kira keperluan gender dalam persiapan bencana alam seperti banjir dan gelombang haba.
- Meningkatkan penglibatan wanita dalam pelaksanaan dasar perubahan iklim.



Impak Pelaksanaan



Peningkatan Kesejahteraan Wanita

- Strategi, program dan inisiatif berasaskan kesaksamaan gender
- Peningkatan akses dalam ekonomi, kesihatan dan pendidikan
- Kesedaran terhadap diskriminasi dan keganasan terhadap wanita



Kedudukan Malaysia di Peringkat Antarabangsa

- Memperkukuh imej Malaysia sebagai negara progresif
- Meningkatkan kedudukan dalam SDGs, GGGI & WCR
- Menarik pelaburan dan kerjasama antarabangsa



Komitmen kepada Piawaian Global

- Selari dengan CEDAW, Deklarasi Beijing dan SDGs
- Menyokong dasar di bawah KPWKM seperti Dasar Sosial Negara dan Dasar Keluarga Negara



Pendekatan 'Whole-of-Nation'


- Penglibatan kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan komuniti
- Jabatan Pembangunan Wanita sebagai peneraju utama dalam pelaksanaan DWN



Penutup

Pembaharuan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025-2030 adalah langkah strategik yang menekankan kepentingan untuk memartabatkan peranan wanita serta kesaksamaan gender secara inklusif. Dasar ini akan mengukuhkan hak dan peranan wanita dalam pelbagai bidang untuk lebih berdaya saing dan terus maju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, komitmen padu antara Kerajaan serta semua pihak berkepentingan dapat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang lebih holistik, progresif dan mesra wanita di persada antarabangsa.





**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA &
MASYARAKAT**



**JABATAN
PEMBANGUNAN
WANITA**



Muat Turun
Buku dan Ringkasan Eksekutif
Dasar Wanita Negara dan
Pelan Tindakan Pembangunan Wanita
Tahun 2025-2030